

11/07/1998

Star-LRT sedia diguna

SEDIA ... Laluan fasa kedua Sistem Transit Aliran Ringan Sdn Bhd (Star-LRT) yang akan dirasmikan Perdana Menteri hari ini dijangka menjadi pengangkutan utama peminat yang akan menyaksikan Sukan Komanwel XVI, September ini.

Laluan sejauh kira-kira 12 kilometer itu menyediakan kemudahan yang selesa kepada orang ramai untuk berulang-alik dari pusat ibu kota di stesen Jalan Sultan Ismail ke Kompleks Sukan Negara, Bukit Jalil (gambar).

Sebelum ini, pihak pengurudan Star-LRT, termasuk dari bahagian keselamatan, teknikal dan simulasi operasi, menjalankan beberapa ujian di laluan berkenaan sebelum perkhidmatan komersil dimulakan secara rasmi.

Perkhidmatan komersil Star-LRT fasa kedua itu membabitkan tren yang diubah suai daripada pencantuman dua kepada tiga gerabak untuk menjadikannya lebih panjang.

Setiap tren mampu menampung 1,200 penumpang atau 24,000 penumpang sejam bagi sehalu perjalanan.

Fasa pertama perkhidmatan pengangkutan itu dimulakan pada 16 Disember 1996 membabitkan laluan di antara Ampang dan Jalan Sultan Ismail.

Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka menaiki LRT di stesen Sultan Ismail ke stesen Bukit Jalil sebelum ke Kompleks Sukan Negara untuk merasmikan kompleks itu.

(END)